

KEJATUHAN SEBUAH NEGARA ISLAM

# Kerana krisis akhlak dan kelalaian generasi muda

Bersama  
**Prof Datuk Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim**



Masa depan ummah bergantung kepada sejauh mana kita mampu membentuk generasi muda hari ini. Mereka bukan sekadar harapan, tetapi penentu jatuh bangunnya sebuah negara

Sejarah telah membuktikan kejatuhan sesebuah negara Islam tidak berlaku secara tiba-tiba. Ia adalah hasil daripada proses panjang yang melibatkan kelemahan dalaman, keruntuhan nilai dan kegagalan memelihara asas kekuatan ummah. Dalam konteks negara Islam, salah satu faktor yang sering diabaikan ialah kelalaian generasi muda. Golongan ini adalah pewaris kepimpinan masa depan negara, namun jika mereka lalai terhadap tanggungjawab agama, ilmu dan akhlak, maka runtuhlah tiang-tiang kekuatan sesebuah ketamadunan. Perkara ini diungkapkan oleh Ibn Khaldun, Prof Dr Muhammad Said Ramadhan al-Booty, Shikh Abu Hassan al-Nadawy dan ramai lagi.

**Peranan strategik generasi muda**

Sejarah juga membuktikan kebangkitan dan kejatuhan sesebuah tamadun sangat bergantung kepada kualiti generasi muda. Golongan muda adalah tenaga utama dalam pembangunan negara kerana mereka bakal menjadi pemimpin, ilmuwan dan penggerak masyarakat. Jika generasi ini dibina dengan asas iman, ilmu dan akhlak, maka negara akan kukuh. Sebaliknya, jika mereka leka dan hilang arah, maka negara akan rapuh dari dalam dan akhirnya negara menjadi rosak. Ia dapat dibuktikan menerusi kejatuhan negara-negara Islam lampau.

Dalam Islam, generasi muda bukan sekadar pewaris, tetapi agen perubahan. Mereka dipertanggungjawabkan untuk menegakkan kebenaran, memelihara agama dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Namun, tanggungjawab ini sering terabai akibat pengaruh budaya hedonisme, materialisme dan gaya hidup yang jauh daripada nilai Islam.

**Kelalaian terhadap ilmu dan pendidikan**

Salah satu bentuk kelalaian yang paling kritikal ialah pengabaian terhadap ilmu. Generasi muda yang tidak menghargai ilmu akan mudah

dipengaruhi oleh pemikiran songsang dan ideologi yang merosakkan. Ilmu bukan sekadar untuk mendapatkan pekerjaan, tetapi merupakan asas kepada pembinaan tamadun.

Apabila budaya membaca, berfikir dan mengkaji semakin merosot, maka lahirlah generasi yang dangkal pemikirannya. Mereka mudah terpedaya dengan maklumat palsu, propaganda dan fahaman yang menyimpang. Keadaan ini akhirnya melemahkan keupayaan negara untuk membuat keputusan yang bijaksana dan berstrategi.

**Krisis akhlak dan identiti generasi muda**

Selain ilmu, akhlak adalah tonggak penting dalam kekuatan sesebuah negara. Generasi muda yang kehilangan akhlak akan membawa kepada pelbagai gejala sosial seperti rasuah, penipuan, pergaulan bebas dan penyalahgunaan kuasa. Apabila akhlak runtuh, integriti juga akan musnah. Lebih membimbangkan ialah krisis identiti dalam kalangan generasi muda. Ramai yang lebih cenderung meniru budaya luar tanpa menilai kesesuaiannya dengan nilai Islam. Mereka merasa bangga dengan gaya hidup Barat, tetapi memandang rendah warisan dan tradisi sendiri. Akibatnya, jati diri sebagai umat Islam semakin terhakis.

**Pengaruh teknologi dan media sosial**

Teknologi sepatutnya menjadi alat untuk memajukan ummah, namun jika disalah guna, ia boleh menjadi punca kehancuran. Generasi muda hari ini sangat terdedah kepada media sosial yang sarat dengan hiburan melampau, budaya sensasi, dan kandungan tidak bermoral.

Kelalaian dalam mengurus penggunaan teknologi menyebabkan masa terbuang, produktiviti menurun dan pemikiran menjadi cetek. Lebih parah, media sosial juga menjadi medium penyebaran fitnah, kebencian dan ideologi ekstrem yang boleh memecahbelahkan masyarakat.

**Kelemahan kepimpinan masa depan**

Generasi muda hari ini adalah pemimpin masa depan. Jika mereka dibesarkan dalam keadaan lalai, maka mereka akan mewarisi kepimpinan

tanpa nilai dan prinsip. Ini akan membawa kepada pentadbiran yang lemah, tidak berintegriti, dan gagal memenuhi keperluan rakyat.

Negara Islam memerlukan pemimpin yang bukan sahaja bijak, tetapi juga bijaksana, berakhlak dan berpegang teguh kepada prinsip agama. Tanpa ciri-ciri ini, kepimpinan akan menjadi alat untuk kepentingan peribadi, bukan untuk kesejahteraan ummah.

**Pengajaran daripada sejarah**

Sejarah kejatuhan tamadun Islam seperti Andalusia, Uthmaniyyah setelah 600 tahun mentadbir negara menunjukkan bahawa faktor dalaman memainkan peranan besar. Ketika generasi muda mula leka dengan hiburan, kemewahan dan konflik dalaman, maka kekuatan negara semakin merosot. Musuh luar hanya mengambil kesempatan terhadap kelemahan yang sedia ada.

Pengajaran ini sangat relevan untuk masa kini. Jika generasi muda tidak mengambil iktibar, maka sejarah boleh berulang dalam bentuk yang berbeza lebih-lebih lagi pada zaman ini yang terbuka dengan pelbagai fitnah. Jika umat Islam masih lalai dan saling menunding jari antara satu dengan yang lain, maka tidak mustahil kepimpinan berjihad agama pada masa hadapan semakin menipis.

**Langkah pemulihan dan harapan**

Walaupun cabaran ini besar, masih ada ruang untuk pembaikan. Antara langkah penting yang perlu diambil ialah:

- Memperkukuh pendidikan berteraskan nilai Islam
- Pendidikan perlu menekankan keseimbangan antara ilmu dunia dan akhirat. Generasi muda harus dibimbing untuk memahami tujuan hidup dan tanggungjawab mereka sebagai khalifah.
- Membangun jati diri dan identiti Islam
- Program pembangunan belia perlu memberi penekanan kepada pembinaan sahsiah, kepimpinan dan kesedaran agama.
- Penggunaan teknologi secara beretika
- Generasi muda perlu dididik untuk menggunakan teknologi secara bijak dan bertanggungjawab.
- Peranan keluarga dan

**AL-HAQ**  
*Sehari sepotong ayat*

**"Maka ketika Nabi Isa merasa (serta mengetahui dengan yakin) akan kekufuran dari mereka (kaum Yahudi), berkatalah ia: "Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan agamanya)?" Orang-orang "Hawariyyun" (Penyokong-penyokong Nabi Isa) berkata: "Kamilah penolong-penolong (utusan) Allah. Kami telah beriman kepada Allah, dan saksikanlah (wahai Nabi Allah) sesungguhnya kami ialah orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)."**

(Surah al-Imraan, ayat 52)

masyarakat

Ibu bapa dan masyarakat memainkan peranan penting dalam membentuk generasi muda. Pendidikan awal di rumah adalah asas kepada pembinaan akhlak.

■ Melahirkan pemimpin muda berkualiti

Peluang dan ruang perlu diberikan kepada generasi muda untuk terlibat dalam kepimpinan dengan bimbingan yang betul.

Kejatuhan sesebuah negara Islam bukan semata-mata disebabkan oleh ancaman luar, tetapi lebih kepada kelemahan pelan pewarisan dari dalam khususnya kelalaian generasi muda. Jika golongan ini gagal memikul tanggungjawab mereka, maka masa depan negara akan terancam. Namun, jika generasi muda dibina dengan asas iman, ilmu dan akhlak, mereka mampu menjadi benteng yang mempertahankan dan memajukan negara. Masa depan ummah bergantung kepada sejauh mana kita mampu membentuk generasi muda hari ini. Mereka bukan sekadar harapan, tetapi penentu jatuh bangunnya sebuah negara.

**Penulis Dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**